

## **Ketagihan Penggunaan Internet Di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 Di Bandaraya Johor Bahru**

*Johari Hassan<sup>1</sup> & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid<sup>2</sup>*

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor

---

**ABSTRAK :** Penggunaan Internet semakin meluas sehinggakan ada beberapa pihak yang mengalami ketagihan yang agak membimbangkan terutama remaja sekolah. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap dan punca ketagihan penggunaan Internet dikalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. Kajian ini juga ingin mengenalpasti tujuan sebenar dan jenis penggunaan Internet yang kerap diakses oleh remaja sekolah. Kesan penggunaan Internet yang berlebihan turut juga dikenalpasti. Satu set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian digunakan sebagai instrumen kajian. Kaedah pensampelan rawak digunakan dengan melibatkan 265 orang pelajar dari 3 buah sekolah terpilih. Data kajian dipersembahkan dalam bentuk deskriptif seperti frekuensi, skor min dan peratusan dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS Versi 15.0). Di samping itu, beberapa ujian statistik seperti ujian-t, korelasi Pearson, dan tabulasi silang digunakan untuk mengenalpasti perbezaan dan hubungan beberapa angkubah. Secara keseluruhannya, tahap ketagihan penggunaan Internet bagi pelajar adalah rendah. Terdapat perbezaan signifikan tahap ketagihan penggunaan Internet antara lelaki dan perempuan, begitu juga dengan jenis sekolah mengikut jantina. Terdapat juga korelasi positif antara tahap sosioekonomi ibu bapa dengan tahap ketagihan penggunaan Internet di kalangan pelajar. Laman web yang kerap diakses oleh pelajar adalah laman web rangkaian sosial.

**Kata kunci:** *Ketagihan, Penggunaan Internet, Remaja*

**ABSTRACT :** The Internet has been widely used so much so that it causes unhealthy addiction especially among school teenagers. Therefore, this study is to identify the level and causes of Internet addiction among form 4 students in Johor Bharu. This study also try to identify the real purpose and types of website accessed by students. The effects of Internet overused was also identified. A set of questionnaire with three sections was used in this study. Random sampling technique was used that involved 265 students from 3 selected schools. Data was presented in descriptive form such as frequencies, means and percentages by using Statistical Package For Social Science (SPSS Version 15.0). In addition, several statistical tests such as t-test, Pearson Correlation, and cross-tabulation were used to identify differences and relation among several variables. Generally, the Internet addiction among students was at the low level. The research showed that there were significant differences in the level of Internet addiction among the males and females and the types of school. The results also showed that there was a positive correlation between parent socioeconomic status and the level of Internet addiction among students. The most frequent website accessed by the students was the social networking sites.

**Keywords:** *Addiction, Internet User, Teenagers*

---

## 1.0 PENGENALAN

Mutakhir ini, teknologi maklumat berkembang dengan semakin pesat dan pantas menjadikan dunia berhubung tanpa sempadan dan batasan. Ledakan informasi teknologi maklumat atau secara ringkasnya ICT (*Information Communication Technology*), membawa perubahan yang besar dalam hidup kita yang sedang membangun. Internet merupakan saluran maklumat dan komunikasi yang digunakan secara meluas. Dulu penggunaan Internet hanya bergantung pada sebuah komputer, kini Internet juga mampu diakses dengan menggunakan telefon bimbit yang mempunyai perisian perkhidmatan Internet tanpa wayar (*Wireless*).

Sehubungan dengan itu, perkhidmatan Internet tanpa wayar yang terdapat di mana-mana sahaja seperti di kafe, restoran, lapangan terbang, hotel dan pusat membeli belah memudahkan pengguna mengakses Internet. Lantaran wujudnya syarikat yang menyediakan perkhidmatan Internet tanpa wayar dan jalur lebar dengan harga yang begitu murah seperti syarikat Celcom dan Maxis merupakan salah satu faktor meningkatnya jumlah pelayar siber. Dari semasa ke semasa harga langganan perkhidmatan Internet tanpa wayar dan jalur lebar semakin menurun dengan kadar yang munasabah disebabkan syarikat-syarikat berkenaan bersaing untuk menarik perhatian pengguna Internet untuk melanggan. Justeru, kebanyakannya penduduk dibandar mahupun bukan bandar sudah memiliki sendiri perkhidmatan Internet terutamanya jalur lebar bagi membolehkan mereka mengakses Internet ke mana dan pada bila-bila masa sahaja yang mereka mahu.

Berdasarkan statistik Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) (dalam Irfan Khairi 2010), jumlah pengguna Internet di Malaysia tahun 2010 mencecah 16.9 juta orang. Di Malaysia, antara rangkaian sosial yang paling popular adalah laman sosial Facebook dengan catatan kira-kira 6.2 juta pengunjung (Shahrizan Salian, 2010).

Kafe siber merupakan 'port' atau tempat lepak kepada remaja yang gemar melayari Internet bagi mengisi masa lapang mereka. Senario ini sering terjadi kepada pelajar sekolah tingkatan 4. Hal ini disebabkan, pelajar tingkatan 4 baru sahaja habis menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun sebelumnya. Justeru, mereka lebih banyak meluangkan masa dengan hanya duduk di hadapan komputer.

Tambahan pula, kebiasaannya pelajar sekolah yang gemar menggunakan Internet dengan tujuan untuk mendapatkan hiburan dengan cara bersembang di rangkaian sosial atau chat, memuat turun lagu, klip video, gambar dan mengemaskini blog atau mengikuti perkembangan blog-blog lain selalunya adalah pelajar yang bersekolah menengah atas. Hal ini disebabkan mereka lebih pandai dan berpengalaman dalam menggunakan komputer berbanding pelajar yang bersekolah menengah rendah. Sehubungan dengan itu, pelajar menengah atas juga lebih matang dan selalunya Internet menjadi saluran kepada mereka untuk mengikuti perkembangan idola pujaan mereka.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Maklumat Internet yang mudah dicapai dan diakses menyebabkan pengguna terutama golongan remaja sekolah mampu mencari maklumat apa sahaja tanpa batasnya dengan satu "klik" tanpa merujuk pada sesiapa. Hal ini lebih membimbangkan apabila sikap remaja yang suka mengambil tahu dan mahu mencuba sesuatu yang baru menyebabkan mereka mampu mengaksesnya dengan begitu mudah dan pantas. Secara ringkasnya, remaja sekolah mudah mengakses laman yang tidak sihat dan boleh memudaratkan diri.

Manakala berdasarkan kajian 'Norton Online Living Report (NOLR) di Malaysia' yang dikendalikan oleh Saffron Hill bagi pihak Symantec, mengenai tabiat penggunaan Internet, mendapati remaja menghabiskan masa 16 jam seminggu melayari Internet. Jumlah

itu sebenarnya 6 jam lebih banyak daripada masa purata NOLR peringkat global berdasarkan kajian ke atas 12 negara utama dunia dan ia juga 4 jam lebih banyak daripada ibu bapa mereka. Dalam kajian tersebut, 31 peratus daripada mereka melayari Internet di kafe siber dan 60 peratus daripada mereka cuma menghabiskan masa melayari laman sembang dan berbual di dalam talian dengan individu tidak dikenali. Bagi remaja yang mempunyai rakan atau komputer riba persendirian, kajian mendapati 26 peratus daripada mereka gemar melepak di rumah rakan untuk melayari Internet. Kategori aktiviti berfrekuensi tinggi bagi mereka yang kerap melayari ialah video (91%), rangkaian sosial (89%) dan muat turun pelbagai fail (91%), (Mohd Azis Ngah, 2010).

Justeru, kemudahan yang banyak terdapat dalam Internet, memberi banyak kesan sampingan kepada pelayar siber. Pelajar kurang memberi tumpuan dalam pelajaran disebabkan pelajaran mereka terganggu disebabkan tiada banyak masa untuk mengulangkaji. Tambahan lagi, sikap pelajar yang sanggup ponteng sekolah untuk ke kafe siber disebabkan ketagihan Internet turut menjejaskan kesihatan diri, dan pelajaran. Malahan negara juga turut mendapat impak besar akibat gejala yang tidak sihat gara-gara ketagihan Internet.

Berdasarkan hal itu, penyelidik melakukan kajian untuk mengenalpasti tahap ketagihan Internet yang dialami oleh pelajar pada masa kini, dan punca pelajar mengalami ketagihan Internet serta jenis penggunaan Internet yang kerap diakses oleh pelajar.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk

1. Menenalpasti jenis penggunaan Internet di kalangan remaja sekolah.
2. Menenalpasti tujuan sebenar remaja sekolah menggunakan Internet.
3. Menenalpasti punca ketagihan penggunaan Internet.
4. Menenalpasti tahap ketagihan penggunaan Internet di kalangan remaja sekolah.
5. Menenalpasti kesan kepada remaja sekolah yang menggunakan Internet secara berlebihan.

## 2.0 Faktor Menggunakan Internet

Kajian berhubung rangkaian sosial mendapati, remaja di negara ini cenderung untuk menyertai sesuatu rangkaian sosial tertentu seperti Friendster dan Facebook kerana mempunyai perasaan memiliki (*sense of belonging*) yang kuat (Jens Olav Bjornson, dalam Adham Shadan (2010)).

Selain melayari laman sosial, blog juga merupakan laman yang sering dilayari oleh pelajar. Menurut Ketua Penyelidikan Pasaran dan Pandangan Pelanggan TRICAP, Sheena Lim (dalam Adham Shadan. 2010), terdapat kesedaran yang semakin meningkat terhadap penggunaan blog di kalangan rakyat Malaysia. Mengikut data yang diberikan oleh Alexa.com (syarikat pemerhati laman web yang berpangkalan di U.S) blogger.com tercatat tempat kelima tertinggi antara 100 laman yang paling populari dilayari oleh pengguna Internet di Malaysia.

Menurut Bahagian Perkhidmatan Psikologi, JPA, Rozinah Jamaludin (2007), pelajar sekolah sering terlibat dalam isu ketagihan Internet. Hal ini disebabkan oleh tiada disiplin diri dalam diri pelajar. Pengurusan masa yang tidak teratur dan tiada kawalan daripada keluarga atau orang lain yang lebih dewasa merupakan faktor remaja terlibat dalam kegiatan Internet yang berlebihan.

Di samping itu, faktor ekonomi keluarga juga merupakan faktor pelajar sekolah melayari Internet secara berlebihan. Faktor ekonomi yang dimaksudkan ialah golongan keluarga yang sudah mampu memiliki sistem komputer dan mudah menyediakan talian Internet di rumah. Faktor ini disokong berdasarkan kajian dari luar negara oleh Patricia et. al. (2000), yang mendapati pelajar dari semua bangsa dan etnik, yang mempunyai komputer di rumah keluarga mereka, cenderung untuk menggunakan Internet berjam lamanya pada setiap minggu berbanding mereka yang dibesarkan dalam keluarga tanpa komputer.

Penggunaan bahasa juga memainkan peranan dalam mempengaruhi pelajar sekolah untuk mengakses Internet. Menurut Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan terdapat 2 per 3 daripada 17 juta pengguna Internet di Malaysia menggunakan bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia juga digunakan dan difahami oleh negara-negara jiran termasuk Indonesia (30 juta pengguna), 15 peratus daripada pengguna Internet Singapura. Pengguna Internet di Brunei juga turut menambahkan kepada statistik penggunaan Bahasa Malaysia. Jumlah keseluruhan pengguna Internet yang merupakan pengguna bahasa Malaysia adalah melebihi 50 juta pengguna Internet (Irfan Khairi 2010).

## **2.1 Kebaikan Menggunakan Internet**

Menurut Bork Alfred (1985), penggunaan komputer dalam proses pembelajaran mempunyai kelebihan yang banyak. Terdapat banyak maklumat yang boleh dicapai melalui Internet. Internet menyediakan maklumat untuk menyiapkan projek kerja sekolah sebagai contoh, Homework Helper merupakan laman laman yang mengandungi fakta, ensiklopedia, kamus, thesaurus, dan laman laman membina kajian (Iskandar & Zaitun, 2006). Menurutnya lagi, Human Anatomy Online merupakan contoh laman laman biologi yang membekalkan koleksi gambar rajah sistem badan manusia secara interaktif. Manakala Science is Fun merupakan laman laman yang membekalkan maklumat berkaitan sains.

Kemudahan melayari Internet menyebabkan berkembangnya pembelajaran secara maya ataupun diistilahkan sebagai e-pembelajaran (Ismail Zain, 2003). Pelbagai pihak sama ada individu, agensi kerajaan ataupun swasta telah mengorak langkah membina laman web masing-masing untuk memberikan kemudahan kepada para pelajar mengikuti pembelajaran secara atas talian. Menurut Ismail Zain (2003) terdapat dua jenis e-Pembelajaran iaitu Laman Portal Pendidikan dan Pengurusan Pengetahuan. Antara contoh laman portal pendidikan tempatan ialah Portal Pendidikan Utusan ([www.tutor.com.my](http://www.tutor.com.my)) dan Cikgu Net ([www.cikgu.net.my](http://www.cikgu.net.my)). Pelajar boleh memanfaatkan portal pendidikan ini dengan menjadikannya sebagai bahan rujukan, latihan atau satu aktiviti pembelajaran sendiri.

Internet juga dapat membantu pelajar dalam menguasai bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Sebagai contoh, laman Grammar Guru adalah laman popular di mana sesiapa saja boleh mengemukakan soalan mengenai bahasa Inggeris yang akan dijawab guru bahasa Inggeris British Council. Selain itu, Laman English SOS menyediakan pertandingan menyeronokkan di mana orang ramai boleh memuatkan foto yang memaparkan penggunaan bahasa Inggeris yang salah serta berpeluang memenangi baucar MPH setiap dua minggu dan iPod Touch setiap tiga bulan (Diyanah Anuar, 2010).

Internet terdapat permainan yang membolehkan pengguna-pengguna bermain bersama-sama, malah bertanding di antara satu sama lain. Contoh laman yang menyediakan permainan yang boleh dimainkan secara perseorangan dan beramai-ramai ialah <http://www.games.yahoo.com> (Iskandar & Zaitun, 2006). Laman ini menyediakan berbagai-bagai permainan menyeronokkan dan mencabar seperti catur, dam, snuker, permainan berasaskan kad dan lain-lain.

Sehubungan itu, Internet juga merupakan saluran untuk mendapatkan sumber seperti lagu. Ada dua cara untuk menikmati lagu dari Internet. Pertama adalah dengan mendengar terus dari Internet secara aliran data dan kedua ialah cara dengan hanya memuat turun data ke dalam komputer dan kemudiannya menggunakan perisian komputer untuk memainkan lagu tersebut (Iskandar & Zaitun, 2006).

Internet juga, menyediakan laman web yang mengandungi pautan ke stesyen radio seluruh dunia. Ia membolehkan pengguna mendengar radio melalui Internet. Laman web ini begini sangat membantu jika pengguna berada jauh dari luar negara. Hal ini disebabkan, pengguna dapat mendengar stesyen radio yang dipancarkan di negara kita walau di mana kita berada (Iskandar & Zaitun 2006).

Selain mendengar radio, filem dan klip video percuma juga mudah didapati dari Internet. Sebagai contoh Liketelevision.com adalah laman web yang membekalkan filem dalam beberapa kategori termasuk Cartoons, Classic TV, Sci-Fi, Toys, dan Time Machine. Bagi pengguna yang meminati klip video lucu boleh mendapatkannya di video-clips.co.uk (Iskandar & Zaitun, 2006).

Internet yang menyediakan laman-laman rangkaian sosial membantu para pelajar untuk menghilangkan perasaan tekanan (Jerald, 2008). Pelajar yang mengalami tekanan selalunya berpunca daripada pelajaran atau situasi keluarga pelajar itu sendiri. Jadi mereka melayari laman rangkaian sosial untuk melupakan tekanan.

Kemudahan laman rangkaian sosial juga bertujuan untuk memudahkan atau mempercepatkan lagi kerja seseorang. Kemudahan seperti menghantar dan menerima fail sangat membantu mereka dalam perkongsian isi pelajaran dari masa ke masa. Menurut Jerald (2008), kebanyakannya pelajar menggunakan laman sebegini bukan sahaja untuk berkongsi gambar dan video malah, mereka berkongsi soalan-soalan peperiksaan tahun sebelumnya sebagai persediaan untuk mereka menduduki peperiksaan kelak.

Internet mempunyai kesan positif pada diri pelajar, di mana ia dapat membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran berkomputer. Para pelajar berpendapat bahawa penggunaan laman sosial dalam ruang chat, perkongsian maklumat dan sebagainya lagi membantu mereka untuk menjadi mahir dalam urusan penggunaan komputer (Jerald, 2008).

December dan Ginsburg (1995), menyatakan terdapat pelbagai teknik untuk mencari dan mendapatkan maklumat melalui Internet, iaitu carian web berdasarkan subjek, carian berdasarkan kata kunci, carian web berdasarkan ruang geografi dan carian web berdasarkan ruang maklumat.

## **2.2 Keburukan Menggunakan Internet**

Dengan wujudnya rangkaian World Wide Web, individu dan organisasi boleh memaparkan sebarang maklumat dengan senang. Namun sekiranya ini digunakan untuk tujuan yang tidak baik maka ia akan membawa pengaruh yang negatif terhadap kehidupan bandar. Contohnya, pengeboman di bandar Oklahoma dipercayai hasil sebaran maklumat melalui Internet (Meyer, 1999).

Selain itu, Internet juga membawa maklumat-maklumat lucah yang boleh menjanakan masalah sosial terutamanya jenayah. Che Wan Badrul Alias (2010), menyatakan laman web seks dan ponografi kekal di tempat tertinggi, iaitu pada tempat keempat dan kelima daripada 100 laman web yang kerap dikunjungi oleh kanak-kanak dan remaja sepanjang 2009. Rangkaian Internet boleh juga menjadi saluran tidak sihat untuk melakukan jenayah. Merujuk kepada pengalaman Singapura, pada tahun 1999, lima gadis dan seorang wanita telah dirogol oleh kawan yang mereka kenali melalui Internet atau telefon. Singapura merupakan satu

negara pengguna Internet yang tinggi disebabkan dasar kerajaannya untuk menggalakkan keceklikan komputer bagi menghadapi kemajuan abad ke-21 (Ho Lip Wah, 1999).

Di Malaysia, kajian yang dijalankan oleh Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr. Md. Salleh Hassan (dalam Mazlina Abdul Majid, 2010), mendapati bahan pornografi yang terlalu mudah dibeli dan diakses menerusi Internet menjadi punca utama remaja Melayu terjebak dalam gejala ponteng sekolah.

Melayari Internet secara berlebihan juga menyebabkan individu suka duduk bersendirian sepanjang masa. Penggunaan laman web sosial mengurangkan interaksi secara bersemuka. Golongan muda tidak lagi suka berbicara secara berdepan dan menyebabkan mereka tidak sensitif dengan perasaan, tidak endah reaksi rakan dan orang lain (Donald, 1994).

Namun demikian, ianya bercanggah dalam kajian yang dijalankan oleh Jerald (2008) mendapati, memiliki hobi dengan melayari rangkaian sosial, tidak menjadi seorang yang suka bersendirian atau individualistik. Hal ini disebabkan, individu tersebut tidak lagi mencapai tahap ketagihan.

Internet merupakan sumber maklumat yang mudah dicari dengan menggunakan hujung jari. Justeru, kemudahan ini menyebabkan kebanyakan individu tidak lagi menuju ke perpustakaan untuk mencari maklumat.

Menurut Donald (1994) lagi, tabiat suka bermain permainan komputer pula mengajar pelbagai aspek negatif yang memudaratkan seperti menganggap kesilapan sebagai perkara biasa dan tidak perlu dibimbangkan. Di Britain, ada kanak-kanak yang menghabiskan masa lebih tujuh jam sehari di depan komputer. Mereka yang bermain permainan komputer ini hidup dengan dunia mereka sendiri. Kesilapan demi kesilapan yang dilakukan sebelum mencapai misi itu sebaliknya mendidik mereka menjadi insan yang cuai atau lalai ketika melakukan kegiatan seharian.

Dari aspek kesihatan pula, pengguna lebih cenderung untuk menjadi obesiti akibat ketagihan layari laman web sosial dan permainan komputer. Hal ini disebabkan disebabkan pengguna tidak lagi suka bergerak atau bersenam sebaliknya sanggup makan di depan komputer. Lebih memburukkan keadaan, waktu makan juga tidak diendahkan.

Namun, fakta ini bercanggah, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jerald (2008), laman sosial tidak memudaratkan kesihatan pelajar. Para pelajar kurang duduk di satu tempat bagi tempoh yang lama dan kurang memakan makanan ringan atau makanan segera semasa melayari laman tersebut. Justeru, ia tidak akan menjadi mereka gemuk disebabkan pergerakan yang terhad atau memakan makanan yang berkalori tinggi. Hal ini disebabkan pelajar tidak lagi mencapai tahap ketagihan.

### **3.0 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Majid Konting, 1994). Penyelidikan deskriptif juga terdiri daripada beberapa jenis seperti penyelidikan tinjauan, penyelidikan korelasi dan penyelidikan perkembangan. Untuk kajian ini, penyelidik menggunakan penyelidikan deskriptif jenis tinjauan. Blake dan Champion (1976) pula berpendapat bahawa, kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi.

Dalam kajian ini maklumat pelajar yang terlibat akan dikumpul melalui penggunaan instrumen berbentuk soal selidik. Soal selidik merupakan instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif (Skager dan Weinberd, 1979). Menurut Tuckman (1978), penggunaan

kaedah tinjauan menggunakan soal selidik memudahkan penyelidik memperolehi kerjasama daripada responden. Penyelidik menggunakan instrumen berbentuk soal selidik kerana ia senang ditadbir, data mudah dikutip dan dianalisa. Kajian dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik dijalankan kerana data yang perlu diambil melibatkan satu sela masa tertentu sahaja.

### **3.1 Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah yang berada di lokasi bandar Johor Bahru. Pemilihan sekolah adalah terdiri dari tiga jenis sekolah iaitu sekolah menengah perempuan, sekolah menengah yang terdiri daripada lelaki sahaja dan sekolah menengah campur lelaki dan perempuan. Tujuan tiga jenis pemilihan sekolah adalah untuk melihat perbezaan penggunaan Internet dan untuk mengetahui tahap ketagihan penggunaan Internet di kalangan pelajar berdasarkan persekitaran sekolah yang berbeza. Melalui pemilihan tiga jenis sekolah yang berbeza ini, kita akan dapat lihat adakah persekitaran sekolah mempengaruhi tingkah laku pelajar sekolah dalam penggunaan Internet.

Populasi kajian terdiri daripada para pelajar tingkatan 4 dari tiga buah sekolah menengah iaitu sekolah menengah SETA, MSAB / EC dan BBU. Rasionalnya memilih responden ini kerana pelajar-pelajar dalam tingkatan 4 lebih matang daripada pelajar tingkatan 3, 2 dan 1. Selain itu, pelajar tingkatan 4 merupakan pelajar yang baru sahaja menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun sebelumnya. Pelajar tingkatan 5 tidak terpilih disebabkan mereka perlu membuat persediaan untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Semestinya kajian ini tidak mahu mengganggu proses pembelajaran di sekolah.

Di bandar Johor Bahru, terdapat 69 buah sekolah menengah dan dianggarkan terdapat 7 buah kelas tingkatan 4 di setiap sekolah, manakala setiap kelas dianggarkan terdapat 30 orang murid. Justeru, dianggarkan terdapat 14490 murid tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. Oleh itu, bagi populasi seramai 14490 orang, jumlah sampel yang ditentukan mengikut Jadual Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970) berdasarkan angka yang terhampir ialah seramai 375 orang pelajar.

Namun, hanya 265 orang pelajar sahaja diambil sebagai sampel kajian. Hal ini disebabkan kekangan masa dan sumber kewangan yang sedikit diperuntukkan untuk menjalankan penyelidikan. Penyelidik memerlukan tempoh masa yang lama untuk mengumpul dan mengalisis data-data responden. Justeru, hanya 265 orang pelajar sahaja dijadikan sampel kajian untuk mewakili populasi pelajar tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru.

### **3.2 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan instrumen soal-selidik sebagai instrumen kajian terhadap responden untuk mendapatkan maklum balas dan pengumpulan data. Mohd Majid (1994) mengatakan bahawa soal selidik adalah alat yang biasa digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, perasaan dan sebagainya. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). McMillan dan Schumacher (1984), juga sependapat dan mengatakan kajian berbentuk tinjauan dalam penyelidikan pendidikan sangat popular menggunakan soal selidik selain daripada temubual. Selain dari itu, pengkaji merasakan instrumen ini dapat membantu objektif kajian dengan lebih berkesan.

Kertas soal-seldik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A ialah maklumat latar belakang responden dan jenis aplikasi Internet mengikut kekejaran yang dilayari oleh responden, Bahagian B ialah pengukur tahap ketagihan Internet dan Bahagian C ialah pernyataan item.

### 3.3 Kajian Rintis

Nilai kebolehpercayaan diuji dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS versi 15.0). Menurut Mohamad Najib (1999), jika Pekali Alpha Cronbach di antara 0.8 hingga 1.0 bermakna item kajian boleh diterima dan tidak perlu ditukar dengan item lain. Ini bermaksud nilai 0.8 didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat .Sekiranya nilai adalah lebih rendah daripada 0.8, pengkaji perlu mengubah item dan seterusnya melaksanakan kajian rintis sekali lagi sehingga mencapai tahap nilai 0.8 ke atas. Manakala Mohd Majid (1994), instrumen kajian boleh dipercayai sekiranya nilai ‘alpha’ melebihi 0.6. Setelah analisis dijalankan, kedua-dua kajian rintis mempunyai indeks kebolehpercayaan yang sama iaitu 0.892 bagi 61 item. Berdasarkan Jadual 3.5 menunjukkan indeks kebolehpercayaan yang diperolehi berada pada kekuatan yang tinggi.

## 4.0 ANALISIS DATA

### 4.1 Analisis Data Bahagian Jantina

**Jadual 1** : Taburan Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	N	%
Lelaki	124	46.8
Perempuan	141	53.2
<b>Jumlah</b>	<b>265</b>	<b>100</b>

Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut jantina. Hasil kajian menunjukkan seramai 124 orang (46.8%) adalah pelajar-pelajar lelaki manakala seramai 141 orang (53.2%) adalah pelajar-pelajar perempuan.

#### 4.1.1 Jenis Penggunaan Internet

**Jadual 2** : Jenis Penggunaan Internet Mengikut Kekejaran Melayari Internet

Bil	Jenis Aplikasi Internet/Laman Web	Tidak Pernah	Jarang Sekali	Kadang-kadang	Selalu Juga	Selalu	Sentiasa	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
1	Laman web berita /isu semasa	107 (40.4)	63 (23.8)	36 (13.6)	28 (10.6)	13 (4.9)	18 (6.8)	1.36
2	Laman web video /online movie	12 (4.5)	26 (9.8)	44 (16.6)	68 (25.7)	52 (19.6)	63 (23.8)	3.17
3	Laman web pendidikan /	49 (18.5)	66 (24.9)	66 (24.9)	43 (16.2)	21 (7.9)	20 (7.5)	1.93



e-pembelajaran:								
4	Laman web rangkaian sosial	8 (3.0)	13 (4.9)	25 (9.4)	32 (12.1)	62 (23.4)	125 (47.2)	3.89
5	Laman web pornografi	153 (57.7)	48 (18.1)	15 (5.7)	16 (6.0)	6 (2.3)	27 (10.2)	1.08
6	Permainan talian (Online Game)	59 (22.3)	37 (14.0)	34 (12.8)	43 (16.2)	31 (11.7)	61 (23.0)	2.50
7	Chatting	54 (20.4)	34 (12.8)	41 (15.5)	53 (20.0)	31 (11.7)	52 (19.6)	2.49
8	E-mel	37 (14.0)	36 (13.6)	51 (19.2)	47 (17.7)	33 (12.5)	61 (23.0)	2.70
9	Laman memuat turun (download)	19 (7.2)	33 (12.5)	44 (16.6)	45 (17.0)	47 (17.7)	77 (29.1)	3.13
10	Laman web Hiburan	72 (27.2)	47 (17.7)	45 (17.0)	41 (15.5)	29 (10.9)	31 (11.7)	2.00
11	Blog	92 (34.7)	54 (20.4)	34 (12.8)	37 (14.0)	14 (5.3)	34 (12.8)	1.73

Dari sudut jenis penggunaan Internet, laman rangkaian sosial adalah laman web yang paling kerap dilayari oleh responden (Jadual 2). Laman rangkaian sosial mendapat tempat tertinggi dengan 3.89 yang merupakan pada tahap tinggi. Dapatan menunjukkan majoriti iaitu seramai 125 orang responden (47.2%) sentiasa melayari laman web ini dan seramai 62 orang (23.4%) mengatakan mereka selalu iaitu 4 hingga 5 kali seminggu melayari laman web ini. Ini bermaksud laman web sosial seperti Facebook, Tagged, Friendster, dan Myspace merupakan jenis aplikasi yang paling kerap dilayari oleh responden. Walau bagaimanapun terdapat 8 orang (3.0%) mengatakan mereka tidak pernah melayari laman web sosial.

Hasil kajian mendapati, laman web pornografi juga merupakan salah satu jenis aplikasi Internet yang sentiasa dilayari oleh 27 orang (10.2%). Justeru min bagi laman web pornografi yang didapati ialah 1.02 iaitu berada pada tahap rendah. Namun demikian, terdapat seramai 48 orang (18.1%) mengatakan bahawa mereka jarang sekali melayari laman web pornografi. Seramai 153 orang (57.7%) mengatakan bahawa mereka tidak pernah mengakses laman web pornografi.

#### 4.2 Analisis Data Bahagian Tahap Ketagihan Penggunaan Internet

Bahagian ini adalah untuk mengukur tahap ketagihan penggunaan Internet di kalangan pelajar. Ujian ketagihan penggunaan Internet diukur dengan menggunakan soalan dari "Internet Addiction Test" yang mengandungi 20 item yang reka oleh Dr. Kimberly Young tetapi telah diubahsuai dalam Bahasa Melayu. Ujian ini dianalisis secara manual menggunakan pengiraan mata terkumpul bagi setiap responden. Justeru, kajian mendapati bilangan responden yang mempunyai tahap ketagihan yang tinggi seramai 20 orang (7.5%) iaitu 17 orang merupakan pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan (Jadual 4.10 dan Jadual 4.11). Manakala bilangan responden yang berada pada tahap ketagihan sederhana adalah seramai 79 orang (29.8%) iaitu 38 orang pelajar lelaki dan 41 orang adalah pelajar perempuan. Majoriti responden berada pada tahap ketagihan yang sedikit iaitu seramai 121 orang (45.7%) dimana 54 orang merupakan pelajar lelaki dan 67 orang merupakan pelajar perempuan. Selebihnya iaitu seramai 45 orang (17.0%) tidak mengalami sebarang ketagihan penggunaan Internet.

**Jadual 3 : Tahap Ketagihan Penggunaan Internet**

<b>Markah</b>	<b>Tahap ketagihan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
0 – 19	Pengguna tidak ketagih	45	17.0
20 – 49	Rendah (Pengguna yang sedikit ketagih. Pengguna mungkin banyak menghabiskan masa di Internet tetapi masih dapat mengawalinya)	121	45.7
50 – 79	Sederhana. (Pengguna sedang mengalami masalah biasa kerana Internet. Pengguna perlu memastikan kesan menyeluruh Internet dalam hidup)	79	29.8
80 -100	Tinggi. (Penggunaan Internet membawa kesan yang mendalam dalam hidup pengguna. Pengguna patut memikirkan keburukan Internet kepada diri sendiri dan mengaku bahawa ini semua disebabkan kelalaian menggunakan Internet)	20	7.5
<b>Jumlah</b>		<b>265</b>	<b>100</b>

**Jadual 4 : Tahap Ketagihan Penggunaan Internet Mengikut Jantina**

<b>Tahap ketagihan</b>	<b>Jantina</b>		<b>Jumlah</b>
	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	
Tidak ketagih	15	30	45
Sedikit	54	67	121
Sederhana	38	41	79
Tinggi	17	3	20
<b>Jumlah</b>	<b>124</b>	<b>141</b>	<b>265</b>

### 4.3 Analisis Data Bahagian Tujuan Melayari Internet

#### 4.3.1 Pelajaran

Dari sudut tujuan melayari Internet, majoriti responden iaitu 141 orang responden (53.2%) sangat bersetuju bahawa mereka melayari Internet adalah untuk memahirkan diri dalam penggunaan komputer (Jadual 5) dengan min 4.28 yang berada pada tahap tinggi. Seramai 84 orang (31.7%) menyuarakan mereka setuju dan seramai 23 orang (8.7%) mengatakan hampir setuju pada item pertama dan 17 orang (6.4%) menafikan item ini.

Min keseluruhan yang diperolehi adalah 3.05 dan ianya berada pada tahap sederhana. Ini bermakna pelajar melayari Internet bertujuan untuk pelajaran dan pendidikan adalah berada pada tahap sederhana.

**Jadual 5 :** Analisis Peratusan Dan Min Bagi Tujuan Penggunaan Internet Dalam Aspek Pelajaran

Bil	Pernyataan Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
1	Saya mahu memahirkan diri Dalam penggunaan komputer.	9 (3.4)	8 (3.0)	23 (8.7)	84 (31.7)	141 (53.2)	4.28
2	Saya selalu membuat kerja sekolah dengan bantuan laman web ilmiah di Internet.	32 (12.1)	27 (10.2)	101 (38.1)	47 (17.7)	58 (21.9)	3.27
3	Saya suka berkongsi pendapat mengenai pelajaran dengan rakan melalui Internet.	45 (17.0)	43 (16.2)	80 (30.2)	48 (18.1)	49 (18.5)	3.05
4	Internet menyebabkan saya berminat dan rajin menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru	53 (20.0)	56 (21.1)	84 (31.7)	30 (11.3)	42 (15.8)	2.82
5	Penggunaan Internet membantu meningkatkan prestasi akademik saya	33 (12.5)	48 (18.1)	93 (35.1)	50 (18.9)	41 (15.5)	3.07
6	Internet menambahkan keyakinan saya dalam penggunaan Bahasa Inggeris	15 (5.7)	24 (9.1)	63 (23.8)	67 (25.3)	96 (36.2)	3.77
7	Internet membantu Meluaskan pemahaman dan pengetahuan saya.	8 (3.0)	13 (4.9)	46 (17.4)	71 (26.8)	127 (47.9)	4.12
8	Internet membantu saya untuk menghantar dan menerima tugas di antara kawan yang jauh	24 (9.1)	28 (10.6)	64 (24.2)	55 (20.8)	94 (35.5)	3.63
<b>Min keseluruhan</b>							<b>3.05</b>

### 4.3.2 Sosial

Jadual 6 menunjukkan analisis responden mengikut peratusan dan min berhubung dengan tujuan melayari Internet dalam aspek sosial. Min keseluruhan yang diperolehi adalah 3.12 dan ianya berada pada tahap sederhana. Ini bermakna pelajar melayari Internet dalam aspek sosial adalah berada pada tahap sederhana.

Min tertinggi dalam Jadual ini adalah item ke-9 iaitu 3.72 yang berada pada tahap tinggi. Item ini menyatakan bahawa responden menggunakan Internet untuk mendapatkan ramai kenalan. Seramai 168 orang responden (63.4%) bersetuju dengan item ini. Manakala seramai 51 orang (17.4%) mengatakan hampir setuju pada item pertama dan 17 orang (19.3%) menafikan item ini.

**Jadual 6** : Analisis Peratusan Dan Min Bagi Tujuan Penggunaan Internet Dalam Aspek Sosial

Bil	Pernyataan Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	setuju	Sangat setuju	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
9	Saya menggunakan Internet untuk mendapatkan ramai kenalan.	23 (8.7)	28 (10.6)	46 (17.4)	71 (26.8)	97 (36.6)	3.72
10	Saya mempunyai blog sendiri yang membolehkan saya menceritakan apa sahaja sama ada berkaitan diri sendiri atau orang lain.	103 (38.9)	50 (18.9)	39 (14.7)	18 (6.8)	55 (20.8)	2.52
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>3.12</b>

### 4.3.3 Lain-Lain

Jadual 7 menunjukkan analisis responden mengikut peratusan dan min berhubung dengan tujuan tertentu ketika melayari Internet. Min tertinggi dalam Jadual ini adalah item ke-12 iaitu 3.88 yang berada pada tahap tinggi. Separuh daripada bilangan responden iaitu 155 orang (58.4%) mengaku bahawa mereka menggunakan Internet untuk melepaskan tekanan atau stress. Manakala seramai 53 orang (20.0%) mengatakan hampir setuju pada item ini dan 57 orang (21.5%) pula menafikan item ini.

Bagi item ke-11 dengan min 3.60 yang berada pada tahap sederhana, seramai 142 orang (53.6%) mempunyai hobi melayari Internet. 83 orang (31.3%) hampir setuju dan 40 orang (15.1%) tidak bersetuju dengan item ini.

**Jadual 7** : Analisis Peratusan Dan Min Bagi Tujuan Tertentu Penggunaan Internet

Bil	Pernyataan Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	setuju	Sangat setuju	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
11	Hobi saya ialah melayari Internet	11 (4.2)	29 (10.9)	83 (31.3)	71 (26.8)	71 (26.8)	3.60
12	Saya menggunakan Internet untuk melepaskan tekanan /stress.	30 (11.3)	27 (10.2)	53 (20.0)	44 (16.6)	111 (41.9)	3.88
13	Saya menggunakan Internet untuk mendapatkan hiburan	24 (9.1)	26 (9.8)	51 (19.2)	69 (26.0)	95 (35.8)	3.7
14	Saya menggunakan Internet untuk memuat turun (download) sesuatu	20 (7.5)	29 (10.9)	40 (15.1)	65 (24.5)	111 (41.9)	3.82

#### 4.4 Analisis Data Bahagian Kesan Penggunaan Internet

##### 4.4.1 Aspek Pelajaran

Jadual 8 menunjukkan analisis responden mengikut peratusan dan min berhubung dengan kesan penggunaan Internet dalam aspek pelajaran. Min keseluruhan yang diperolehi adalah 2.51 dan ianya berada pada tahap sederhana.

Kebanyakan pelajar iaitu seramai 195 orang (73.2%) menyatakan sangat tidak setuju dengan pernyataan saya sanggup ponteng sekolah kerana mahu ke kafe siber untuk melayari Internet. Walau bagaimanapun, terdapat 21 orang (8%) bersetuju bahawa mereka sanggup ponteng sekolah kerana mahu ke kafe siber untuk melayari Internet. Item ke-3 ini mempunyai min 1.53 iaitu tahap rendah.

**Jadual 8** : Analisis Peratusan Dan Min Bagi Kesan Penggunaan Internet Dalam Aspek Pelajaran

Bil	Pernyataan Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
1	Saya menggunakan Internet pada bila-bila masa, tidak kira hari persekolahan atau tidak.	53 (20.0)	43 (16.2)	52 (19.6)	50 (18.9)	67 (25.3)	3.13
2	Saya pernah melayari Internet sehingga terlupa membuat kerja sekolah.	67 (25.3)	63 (23.8)	57 (21.5)	28 (10.6)	50 (18.9)	2.74
3	Saya sanggup ponteng sekolah kerana mahu ke kafe siber untuk melayari Internet.	195 (73.2)	37 (14.0)	13 (4.9)	6 (2.3)	15 (5.7)	1.53
4	Saya tidak sabar untuk menanti waktu pulang dari	105 (39.6)	54 (20.4)	43 (16.2)	30 (11.3)	33 (12.5)	2.37

	sekolah kerana ingin melayari Internet.						
5	Saya meluangkan banyak masa dengan melayari Internet berbanding membaca buku.	64 (24.2)	67 (25.3)	49 (18.5)	34 (12.8)	51 (19.2)	2.78
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>2.51</b>

#### 4.4.2 Aspek Sosial

Jadual 9 menunjukkan analisis responden mengikut peratusan dan min berhubung dengan kesan penggunaan Internet dalam aspek sosial. Min keseluruhan yang diperolehi adalah 2.22. Ini bermakna kesan sosial dalam penggunaan Internet yang dialami oleh pelajar adalah berada pada tahap rendah.

Namun begitu, kajian mendapati 49 orang responden (18.5%) bersetuju bahawa Internet menyebabkan mereka berada di dunia mereka sendiri. Bagi item ke-14 dengan pernyataan saya kurang melakukan kerja harian misalnya membantu emak membersihkan rumah apabila melayari Internet mendapati hanya seramai 45 orang (17%) yang bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 54 orang (20.4%) hampir setuju selebihnya 166 orang (62.7%) tidak bersetuju dengan pernyataan yang dibuat.

**Jadual 9** : Analisis Peratusan Dan Min Bagi Kesan Penggunaan Internet Dalam Aspek Sosial

Bil	Pernyataan Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
6	Saya sanggup menghabiskan masa dengan berchatting bersama kawan / untuk mencari rakan baru.	70 (26.4)	53 (20.0)	52 (19.6)	36 (13.6)	54 (20.4)	2.82
7	Saya pernah terlibat dalam cinta siber / 'blind date' dengan rakan chatting yang tidak dikenali.	153 (57.7)	41 (15.5)	36 (13.6)	14 (5.3)	21 (7.9)	1.90
8	Saya pernah berimaginasi tentang seks selepas melayari laman web pornografi (gambar, video, cerita lucu/seks).	163 (61.5)	26 (9.8)	31 (11.7)	17 (6.4)	28 (10.6)	1.95
9	Internet memperkenalkan saya tentang dunia seks.	141 (53.2)	33 (12.5)	33 (12.5)	21 (7.9)	37 (14.0)	2.17
10	Saya suka permainan berunsurkan judi di dalam Internet.	198 (74.7)	29 (10.9)	10 (3.8)	13 (4.9)	15 (5.7)	1.56
11	Internet menyebabkan saya berada di dunia saya sendiri	106 (40.0)	50 (18.9)	60 (22.6)	23 (8.7)	26 (9.8)	2.29
12	Saya mengabaikan suruhan ibu bapa disebabkan mahu melayari Internet	140 (52.8)	57 (21.5)	38 (14.3)	17 (6.4)	13 (4.9)	1.89
13	Saya lebih suka meluangkan	91	65	55	29	25	2.37

	masa bersendirian dengan skrin komputer daripada bergaul dengan orang lain.	(34.3)	(24.5)	(20.8)	(10.9)	(9.4)	
14	Saya kurang melakukan kerja harian misalnya membantu emak membersihkan rumah apabila melayari Internet.	86 (32.5)	80 (30.2)	54 (20.4)	27 (10.2)	18 (6.8)	2.29
15	Saya lebih gemar melayari Internet apabila ibu bapa tiada.	45 (17.0)	33 (12.5)	86 (32.5)	41 (15.5)	60 (22.6)	3.14
16	Semasa melayari Internet, saya tidak dapat menghadirkan diri dalam aktiviti luar bersama keluarga atau kawan.	116 (43.8)	78 (29.4)	34 (12.8)	17 (6.4)	20 (7.5)	2.05
17	Saya merasa kawan-kawan di dalam Internet lebih menyeronokkan daripada kawan yang ada di sekeliling saya.	111 (41.9)	62 (23.4)	39 (14.7)	21 (7.9)	32 (12.1)	2.25
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>2.22</b>

#### 4.4.3 Aspek Kesihatan

Jadual 10 menunjukkan analisis responden mengikut peratusan dan min berhubung dengan kesan penggunaan Internet dalam aspek kesihatan. Min keseluruhan yang diperolehi adalah 3.10 dan ianya berada pada tahap sederhana. Ini bermakna kesan kesihatan dalam penggunaan Internet yang dialami oleh pelajar adalah berada pada tahap sederhana.

Ini diikuti dengan item ke-21 yang menunjukkan min 2.22 iaitu berada pada tahap rendah di mana 54 orang (20.3%) bersetuju bahawa mereka sanggup berada 24 jam di depan komputer kerana melayari Internet. Seramai 30 orang (11.3%) hampir setuju dan 175 orang (66%) tidak bersetuju dengan item ini.

**Jadual 10** : Analisis Peratusan Dan Min Bagi Kesan Penggunaan Internet Dalam Aspek Kesihatan

Bil	Pernyataan Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Hampir setuju	Setuju	Sangat setuju	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
18	Berat badan saya semakin menurun kerana lupa makan disebabkan leka melayari Internet.	143 (54.0)	59 (22.3)	33 (12.5)	13 (4.9)	17 (6.4)	1.88
19	Berat badan saya semakin bertambah kerana pergerakan saya terhad akibat duduk terlalu lama di hadapan komputer.	131 (49.4)	61 (23.0)	34 (12.8)	10 (3.8)	29 (10.9)	2.04
20	Saya biasa makan makanan segera atau makanan ringan semasa melayari Internet.	115 (43.4)	45 (17.0)	56 (21.1)	22 (8.3)	27 (10.2)	2.25
21	Saya sanggup berada 24 jam di	131	44	30	21	39	2.22

depan komputer kerana melayari (49.4) (16.6) (11.3) (7.9) (14.7)  
Internet.

---

**Min Keseluruhan**

---

**2.10**

#### 4.5 Korelasi Di Antara Tahap Sosioekonomi Ibu bapa Pelajar Dengan Tahap Ketagihan Penggunaan Internet

Korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji sama ada terdapat korelasi yang signifikan di antara tahap sosioekonomi ibu bapa pelajar dengan tahap ketagihan penggunaan Internet di kalangan pelajar. Hasil yang diperolehi mendapati bahawa terdapat korelasi yang positif di antara tahap sosioekonomi ibu bapa pelajar dengan tahap ketagihan penggunaan Internet. Ini jelas daripada nilai Korelasi Pearson yang diperolehi adalah 0.163 (Jadual 11). Walaupun pekali korelasi adalah rendah iaitu menghampiri nilai 0, namun masih terdapat korelasi positif di antara tahap sosioekonomi ibu bapa pelajar dengan tahap ketagihan penggunaan Internet.

**Jadual 11** : Korelasi Di Antara Tahap Sosioekonomi Ibu bapa Pelajar dengan Tahap Ketagihan Penggunaan Internet

		<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Tahap Ketagihan</b>
<b>Jenis Sekolah</b>	Pearson	1	0.163 (**)
	Correlation		
	Sig. (2-tailed)		.008
	N	265	265
<b>Tahap Ketagihan</b>	Pearson	0.163 (**)	1
	Correlation		
	Sig. (2-tailed)	.008	
	N	265	265

## 5.0 PERBINCANGAN

### 5.1 Jenis Penggunaan Internet / Aplikasi Internet Yang Kerap Diakses Oleh Pelajar

Laman rangkaian sosial seperti Facebook, Tagged, Myspace, dan Friendster merupakan aplikasi yang sering dilayari oleh remaja sekolah pada masa kini. Hampir separuh pelajar (47.2%) melayari laman rangkaian sosial pada setiap hari. Jika dibandingkan dengan dapatan kajian Rafidah (2010), statistik mencatat hanya 18.4 peratus pelajar melayari laman web sosial pada setiap hari. Maka, disini dapat kita lihat bahawa aplikasi laman web sosial semakin mendapat perhatian ramai pelajar. Hal ini disebabkan, boleh dikatakan semua rumah mempunyai jaringan Internet, bahkan pelajar yang memiliki telefon bimbit juga berupaya melanggan akaun Facebook melalui telefon bimbit mereka. Dapatan ini selari dengan Mohd Effendi (2010), yang mendapati pelajar mempunyai tahap ketagihan yang tinggi terhadap Facebook ialah sebanyak 54 peratus.

Bagi aplikasi emel, hanya 23 peratus sahaja menggunakan aplikasi emel setiap hari untuk menghubungi atau menghantar dokumen kepada seseorang di alam maya. Dibandingkan dengan dapatan kajian Rafidah (2010), hanya sembilan peratus sahaja



menggunakan aplikasi emel pada setiap hari. Justeru dapat kita lihat penggunaan emel semakin mendapat perhatian pelajar masa kini kerana mereka bukan sahaja boleh bertanya khabar atau berkongsi cerita, malahan mereka boleh mengiriskan dokumen atau fail yang melibatkan pembelajaran kepada rakan. Walaupun penggunaan emel tidaklah mendapat perhatian semua pelajar, namun penggunaan emel juga merupakan web yang sering dikunjungi oleh sesetengah pelajar. Dapatan kajian ini juga menyokong kajian Baker (1994), yang mendapati mel elektronik adalah merupakan diantara aplikasi Internet yang lazim digunakan di kalangan pelajar.

Dari sudut penggunaan laman web pendidikan atau e-pembelajaran majoriti pelajar hanya sesekali sahaja melayari laman tersebut. Pada pendapat saya, pelajar jarang melayari laman web pendidikan kerana pelajar kurang meminati dan kurang pendedahan tentang laman yang berilmiah. Dapatan kajian ini menyokong kajian Ahmad Johari dan Norbaizura (2010), yang mendapati adalah penting bagi seseorang pelajar menguasai kemahiran asas menggunakan e-pembelajaran kerana mereka yang tidak mempunyai kemahiran asas berhubung dengan Internet tidak mungkin dapat menggunakan e-pembelajaran dengan baik.

Secara keseluruhannya, laman yang menarik minat pelajar masa kini adalah laman rangkaian sosial. Pelajar lebih berminat untuk berkongsi cerita bersama rakan menerusi alam siber, disamping mengetahui status atau berita terkini dari artis kesayangan.

## **5.2 Tujuan Menggunakan Internet**

Dengan wujud kemudahan Internet, kanan-kanak dan remaja memperoleh banyak faedah untuk menimba ilmu di samping berkomunikasi sesama mereka di laman web sosial atau di ruang sembang. Dalam aspek pelajaran, separuh daripada bilangan pelajar (53.2%) menggunakan Internet untuk memahirkan diri dalam penggunaan komputer. Dibandingkan dengan kajian Rafidah (2010), hanya 37.5 peratus yang bersetuju bahawa mereka menggunakan Internet dengan bertujuan untuk memahirkan diri dalam komputer. Justeru, penyelidik berpendapatan, pengaruh Internet yang semakin canggih, memberikan motivasi kepada ramai pengguna termasuk pelajar untuk belajar menggunakan komputer. Internet mampu mendorong pelajar untuk belajar sendiri disamping mahir dalam penggunaan komputer. Dapatan kajian ini menyokong kajian Ahmad Johari dan Norbaizura (2010), yang mendapati penguasaan terhadap penggunaan Internet secara tidak langsung akan memahirkan seseorang itu dalam menggunakan e-pembelajaran kerana ianya mempunyai hubungkait antara satu sama lain.

Kajian juga mendapati, hampir separuh bilangan pelajar (47.9%) sangat bersetuju bahawa penggunaan Internet membantu meluaskan pemahaman dan pengetahuan mereka. Oleh itu, penyelidik berpendapat Internet merupakan medium bagi menggalakkan pelajar mencari maklumat sendiri. Perkara ini selari dengan pernyataan bahawa mereka selalu membuat kerja sekolah dengan bantuan bahan ilmiah di Internet yang mendapat persetujuan 39.6 peratus. Walaupun jumlah yang bersetuju tidak menghampiri separuh bilangan pelajar, namun penyelidik berpendapat Internet memberi galakkan yang positif supaya pelajar dapat belajar sendiri dan dapat menanam semangat belajar pelajar untuk menemui sesuatu yang baru untuk dipelajari bukan hanya bergantung kepada guru dan juga sekolah.

Laman yang banyak dan pelbagai di Internet membolehkan pelajar mendapatkan latihan yang meliputi kuiz interaktif dan juga tutor online yang boleh membantu mengajar pelajar memahami sesuatu subjek pelajaran. Malahan terdapat laman yang membolehkan pelajar dapat berkomunikasi bersama pelajar lain dalam ruang siber bagi mempraktikkan penggunaan bahasa yang betul seperti Bahasa Inggeris. Jika laman interaktif tidak memadai, ada laman yang lebih menarik yang menyediakan pembelajaran secara video yang

memaparkan rakaman video berbentuk pengajaran, babak drama dan hiburan yang lebih menarik untuk tontonan sambil belajar.

Dapatan juga melaporkan terdapat segelintir (27.1%) bersetuju bahawa Internet menyebabkan mereka rajin dalam menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Dibandingkan dengan dapatan kajian Rafidah (2010), hanya 18.4 peratus yang bersetuju bahawa Internet menyebabkan pelajar berminat dalam menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Justeru, kita dapat lihat, hanya berselangkan setahun, pengaruh Internet memberikankan reaksi yang positif daripada pelajar untuk menimba ilmu dan menyiapkan kerja sekolah. Pada pendapat saya, Internet juga merupakan ‘motivator’ kepada diri pelajar pada masa kini bagi meningkatkan motivasi pelajar dalam menyelesaikan kerja sekolah yang diberikan oleh guru mereka, sekali gus membantu mereka meningkatkan prestasi akademik pelajar. Ini terbukti apabila statistik mencatat 34.4 peratus bersetuju bahawa penggunaan Internet membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Dibandingkan dengan, kajian Rafidah (2010), hanya 24.1 peratus yang bersetuju bahawa penggunaan Internet membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Dalam aspek sosial, pelajar didapati kebanyakannya (63.4%) menggunakan Internet Untuk mendapatkan ramai kenalan. Menurut Mohd Effendi (2010), kajiannya mendapati anggaran jumlah rakan yang paling dominan dalam Facebook para pelajar adalah antara 201 hingga 300 orang rakan iaitu sebanyak 36 peratus.

Menggunakan Internet untuk melepaskan tekanan adalah tujuan utama bagi kebanyakan pelajar (41.8%) dalam melayari Internet. Menurut Kimberly S. Young & Robert C. Rodgers (1998) dalam kajiannya mendapati orang yang mengalami simptom ketagihan Internet ialah orang yang mengalami tekanan. Beliau turut mendapati tekanan memberikan perbezaan signifikan dengan tahap peningkatan penggunaan Internet secara peribadi. Menurut Tan Sri Lee Lam Thye (2010), Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), apabila para pelajar ditanya sebab menggemari permainan komputer, hampir semua menjawab itulah cara terbaik untuk mengatasi perasaan bosan dan tekanan.

Secara keseluruhannya, penggunaan Internet di kalangan pelajar dalam aspek pelajaran dan sosial adalah berada pada tahap sederhana. Majoriti pelajar menggunakan Internet untuk melepaskan tekanan dan mereka juga menggunakan Internet untuk mendapatkan hiburan disamping rajin memuat turun sesuatu. Pelajar memang memerlukan dunia hiburan untuk menenangkan fikiran tetapi ia mesti dikurangkan bagi mengelakkan pelajar terpengaruh dengan kehidupan artis-artis terutama artis-artis barat.

### **5.3 Punca Ketagihan Internet**

Lebih separuh daripada bilangan pelajar mempunyai pendapatan ibu bapa melebihi RM 2000 yang dikategorikan sebagai golongan yang berpendapatan tinggi. Majoriti ibu bapa pelajar juga mempunyai tahap pendidikan minimum iaitu Sijil Pelajaran Malaysia. Ini bermakna, kebanyakan responden mempunyai ibu bapa yang berpendidikan tinggi. Maka tidak hairanlah apabila kajian mendapati majoriti pelajar telah pun mempunyai kemudahan Internet sendiri yang berbentuk jalur lebar atau lebih dikenali sebagai ‘Broadband’ yang membolehkan mereka mengakses Internet di mana sahaja dengan hanya mencucuk ‘USB’ di komputer. Selain jalur lebar, penggunaan ‘Mobile Internet’ juga mempunyai kebarangkalian yang tinggi digunakan di kalangan responden kerana ia juga termasuk dalam kategori kemudahan Internet yang boleh diakses di mana sahaja melalui telefon bimbit pelajar. Dengan pakej yang murah seperti RM 2 yang ditawarkan oleh syarikat komunikasi, pelajar boleh mengaktifkannya melalui telefon bimbit dan mereka boleh melayari apa sahaja laman dalam masa 1 hari. Cara ini mungkin tidak dapat dikesan oleh ibu bapa bahawa anak mereka boleh melayari Internet tanpa menggunakan komputer di rumah. Ibu bapa mungkin memikirkan anak mereka sedang

belajar di bilik, sedangkan mereka berkemungkinan sedang melayari Internet melalui telefon bimbit mereka. Justeru, dengan pakej yang murah dan pelbagai yang ditawarkan oleh syarikat komunikasi juga berkemungkinan merupakan punca bagi sesetengah pelajar yang mengalami ketagihan Internet.

Kajian juga mendapati majoriti pelajar (74.7%) mempunyai kemudahan Internet di rumah dan hanya 18.1 peratus melayari Internet di kafe. Dibandingkan dengan kajian Raja Maznah (1998), yang mempunyai latar belakang responden dari populasi yang sama iaitu pelajar tingkatan empat daerah Johor Bahru, mendapati pelajar yang mempunyai kemudahan Internet di rumah adalah 49.4 peratus dan bilangan pelajar yang melayari Internet di kafe siber adalah 45 peratus. Perbezaan peratusan yang ketara walaupun hanya setahun yang lepas. Maka, dapat dirumuskan, masyarakat kini sedar bahawa Internet merupakan satu keperluan peribadi bagi mengetahui segala informasi atau apa sahaja yang ingin diketahui hanya dengan sentuhan jari. Penggunaan Internet di kafe siber semakin lama semakin berkurangan disebabkan majoriti di rumah sudah mempunyai perkhidmatan Internet sendiri.

Pada pendapat penyelidik, faktor harga perkhidmatan Internet yang semakin murah, menyebabkan kebanyakan ibu bapa sudah mampu untuk melanggan perkhidmatan Internet pada setiap bulan. Dibandingkan dengan dapatan Kamala (2003) dalam kajian Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Dari Sekolah Bestari Di Daerah Kuala Lumpur, responden yang mempunyai kemudahan Internet di rumah adalah 53.5 peratus. Oleh itu, dapat dilihat berselangkan 3 tahun, peningkatan kemudahan Internet di rumah semakin ketara. Tidak kira di mana sahaja, masyarakat telah pun ramai terdedah dengan kemudahan Internet dan rata-rata sudah pun celik IT dan mereka menyedari kepentingan Internet.

Selain itu, majoriti responden mempunyai hobi melayari Internet. Ini bermakna pada waktu lapang, pelajar akan mengisi masa dengan melayari Internet. Sekali gus dengan minat yang mendalam melayari Internet, merupakan punca kepada sesetengah pelajar mengalami ketagihan kerana mereka sanggup menghabiskan masa dengan melayari Internet untuk keseronokan. Dapatan kajian ini menyokong dengan pernyataan yang dibuat oleh Tan Sri Lee Lam Thye (2010), Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), bahawa, terdapat pelajar yang berkata, daripada terlibat dengan penagihan dadah, mereka lebih suka kepada ketagihan bermain komputer di kafe siber.

Dapatan kajian juga mendapati, terdapat korelasi yang positif di antara tahap sosioekonomi ibu bapa pelajar dengan tahap ketagihan penggunaan Internet dengan nilai Korelasi Pearson yang diperolehi adalah 0.163. Walaupun pekali korelasi adalah rendah, namun masih terdapat korelasi positif di antara tahap tahap sosioekonomi ibu bapa pelajar dengan tahap ketagihan penggunaan Internet.

Maka, dapat kita simpulkan bahawa dengan faktor mempunyai kemudahan Internet di rumah dan berlatar belakangkan ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang baik serta berpendapatan tinggi merupakan punca kepada sesetengah pelajar mempunyai ketagihan pada Internet. Pelajar yang mempunyai hobi melayari Internet juga berpotensi untuk merasa ketagih Internet kerana mereka menggunakan masa lapang mereka untuk mengakses Internet.

#### **5.4 Tahap Ketagihan Penggunaan Internet**

Menurut Tan Sri Lee Lam Thye (2010), Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), kanak-kanak dan remaja amat meminati penggunaan Internet hingga muncul pula isu ketagihan kepada fantasi siber atau khayalan siber.

Secara keseluruhannya majoriti responden didapati berada pada tahap ketagihan yang rendah iaitu seramai 121 orang yang terdiri daripada 54 orang pelajar lelaki dan 67 orang pelajar perempuan (Rujuk Jadual 4.10 dan Jadual 4.11). Pelajar yang dikategorikan sebagai tahap ketagihan yang rendah ini memperoleh skor markah terkumpul 20 hingga 49 mata

dalam ujian ketagihan yang direka oleh Dr. Kimbely S. Young (2004), yang bermaksud pengguna merasa sedikit ketagih dan mereka mungkin banyak menghabiskan masa di Internet tetapi masih dapat mengawalinya.

Tahap ketagihan yang tinggi dipelopori oleh pelajar lelaki iaitu 17 orang dan 3 orang terdiri daripada pelajar perempuan dengan nilai markah terkumpul 80 hingga 100 yang bermaksud penggunaan Internet membawa kesan yang mendalam dalam hidup pelajar. Pelajar yang berada pada tahap ini perlu memikirkan keburukan Internet yang membawa kesan kepada diri sendiri. Dibandingkan dengan kajian Rafidah (2010) ke atas pelajar tingkatan 5 di sebuah sekolah daerah Johor Bahru, hanya 2 orang sahaja daripada 141 orang responden (1.42%) mengalami ketagihan yang tinggi. Maka, dapat kita lihat, dengan peredaran masa, bilangan pelajar mengalami ketagihan Internet semakin tinggi. Jika dibiarkan lagi, lama kelamaan tidak mustahil semua pelajar di bandaraya Johor Bahru turut mengalami simptom ketagihan yang tinggi, sekali gus, memberi kesan negatif kepada diri pelajar.

Hasil dapatan ini selari dengan ujian-t yang dijalankan dalam bab 4 bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tahap ketagihan penggunaan Internet antara pelajar lelaki dan perempuan. Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan tahap ketagihan penggunaan Internet antara sekolah lelaki dan sekolah perempuan. Pada pendapat penyelidik, persekitaran sekolah mempengaruhi tingkah laku pelajar. Persekitaran sekolah lelaki tentu berbeza dengan persekitaran sekolah perempuan.

Secara keseluruhannya, lelaki lebih ramai mengalami tahap ketagihan yang tinggi berbanding perempuan. Dapatan kajian ini adalah menyokong dengan dapatan yang dijalankan oleh Mohd Effendi (2010), bahawa pelajar lelaki mempunyai tahap ketagihan Facebook lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

## RUJUKAN

- Adham Shadan. (2010). 18 Sms Sehari. Kosmo, diakses pada September 21, 2010, sumber dari: [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0911&pub=Kosmo&sec=Infiniti&pg=in\\_01.html](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0911&pub=Kosmo&sec=Infiniti&pg=in_01.html)
- Ahmad Johari Sihes dan Norbaizura Sani (2010). Pelaksanaan E-Pembelajaran Dikalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baker, N (1994). Promoting Interacting and Team Work with Electronic Mail. *Business Education Forum*. 49(1); 30-31
- Black, J.A., and Champion, D.J. (1976). *Method and Issues in Social Research*. New York: John Wiley and Sons
- Bork, A. (1985). *Personal Computer of Education*. New York: Harper and Row, Publisher.Inc.
- December, J. and Ginsburg, M. (1995). *HTML and CGI Unleashed: Professional Reference Edition*. USA: Mcmillan Computer Publications.
- Diyanah Anuar (2010, Julai 24). Kuasai Bahasa Inggeris. *Berita Harian Online*, diakses pada September 20, 2010, sumber dari: [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KuasaibahasaInggeris/Article/pri nt\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/KuasaibahasaInggeris/Article/pri nt_html)
- Donald, R. (1994). *Minding Your Cyber Manner on the Internet*. Alpha Books.
- Ho Lip Wah. (1999). Pengaruh Teknologi Maklumat Ke Atas Kehidupan Di Bandar, diakses pada Julai 8, 2010, sumber dari: <http://www.hbp.usm.my/methods/RPK534/Information%20Technology.html>
- Irfan Khairi. (2010, April 9). *Rahsia Internet.com: Statistik Pengguna Internet Sedunia*, diakses pada Oktober 2, 2010, sumber dari: <http://rahsiainternet.com/statistik/>

- Iskandar Ab Rashid dan Zaitun Ismail (2006). Rakan Internet. Panduan Penggunaan Internet. (1st ed.). Selangor: Venton Publishing.
- Ismail Zain (2003). Pelajar Cemerlang Melangkah Ke Alam Siber (1st ed.). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jerald, J. B. (2008). The American Journal Of Physchiatry, Am J Psychiatry, 165: 306-307.
- Kamala Ramkrishman (2003). Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Dari Sekolah Bestari Di Daerah Kuala Lumpur. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kimberly, S.Y. (2004). Netaddiction.com: The Centre For Internet Addiction...Your Resource Since 1995, diakses pada 21 Ogos 2010, sumber dari: <http://www.netaddiction.com>
- Kimberly, S.Y. and Robert C.R. (1998). The Relationship Between Depression and Internet Addiction. *CyberPsychology & Behavior*, 1(1), 25-28.
- Krejcie, R.V and Morgan (1970). Determining Sampel Size for Research Activities. *Education and Physcological Measurements*, 30:607-610.
- Lee Lam Thye. (2010, November 18). Pelajar Ketagih Bermain Komputer. Utusan Online, diakses pada Mac, 10, 2011, sumber dari: [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1118&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1118&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm)
- Mazlina Abdul Majid. (2010, Julai 21). Melayu Paling Ramai Tengok Porno. *Kosmo*, ms 3.
- McMillan, J.H., and Schumacher, S (1984). *Research in Education*, (terjemahan Aminah Hj. Hashi). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Meyer and Marilyn W. (1999). *Computers In Your Future*. Macmillan Computer Publishing.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Azis Ngah (2010). Risiko Internet. *Berita Harian Online*, diakses pada April 20, 2011, sumber dari : <http://www.rahsiasiber.com/berita-siber/risikointernet.html>
- Mohd Effendi (2010). Facebook : Fenomena Yang Membawa Ketagihan?. *MOHE, Malaysia*, diakses pada April 2, 2011, sumber dari: [http://www.kuis.edu.my/ictconf/index.php/index.php?option=com\\_jumi&fileid=6&id=101](http://www.kuis.edu.my/ictconf/index.php/index.php?option=com_jumi&fileid=6&id=101)
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Patricia, M.O., Kathleen, O.K., Phyllis, S., and Michael D. (2000). Internet Use Among Female and Male College Students, 3 : 5, 855-862. Mary Ann Liebert, Inc.
- Raja Maznah Raja Hussain (1998). "Internet Pemangkin Pendidikan: Guru Pensiswazahan Di Alam Siber". *Kertas Kerja Konvensyen Teknologi Malaysia Ke-11*. Kota Bharu.
- Rafidah Hj Ismail (2010). Hubungan Akrab Remaja dan Internet Dalam Pendidikan Remaja – Satu Kajian Kes. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rozinah Jamaludin (2007). *Internet dalam Pendidikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shahrizan Salian (2010, Mac 11). Teknologi: Remaja Guna Laman Web Sosial Pamer Populariti Diri. *Berita Harian Online*, diakses pada November 11, 2010, sumber dari: [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Teknologi\\_Remajagunalamanweb\\_sosialpamerpopularitidiri/Article/](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Teknologi_Remajagunalamanweb_sosialpamerpopularitidiri/Article/)
- Skager, R.E., and Weinberd, D. (1979). *Research Methods in Education: A Practical Guide*. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Tuckman, B.W. (1978). *Conducting Educational Research* (3rd ed.). New York: Harcourt Brace Jovanovich.